



جابتن أكام إسلام فيراق
JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pegawai Tadbir Agama
Pejabat Agama Daerah
Negeri Perak Darul Ridzuan**

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: JAIPk/BPM/36/3 Jld 3 (48)

Tarikh: **13** Syaaban 1444H
06 Mac 2023M

Tuan,

**SURAT MAKLUMAN GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM IBADAH DI
BULAN RAMADHAN TAHUN 1444H BERSAMAAN 2023M DI MASJID DAN
SURAU YANG BERDAFTAR DENGAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK**

Didoakan semoga tuan berada di dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

- *** 2. Adalah dimaklumkan bahawa, bersama-sama ini disertakan surat makluman seperti tajuk di atas. Mohon jasa baik pihak tuan untuk edarkan surat tersebut kepada semua Pengerusi Jawatakuasa Kariah di daerah tuan.
3. Kerjasama dan perhatian tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan jazakumullahu khairan kathira.

Sekian, dimaklumkan.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI HARITH FADZILAH BIN ABDUL HALIM)

Pengarah,
Jabatan Agama Islam Perak.

“PERAK SEJAHTERA 2030”



جابتن أكام إسلام فراق
JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

Ruj. Kami: Bil (49) JAIPK/BPM/36/3 Jld 3

Pengerusi Jawatankuasa Kariah Masjid
Seluruh Negeri Perak Darul Ridzuan

Tarikh : 13 Syaaban 1444
06 Mac 2023

YBhg. Dato'/Tuan,

MAKLUMAN GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM IBADAH DI BULAN RAMADHAN TAHUN 1444H BERSAMAAN 2023M DI MASJID DAN SURAU YANG BERDAFTAR DENGAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg. Dato'/Tuan berada di dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan segala hormat dan takzimnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita saya ingin menarik perhatian YBhg. Dato'/Tuan terhadap Garis Panduan Pelaksanaan Program Ibadah Di Bulan Ramadhan Tahun 1444H Bersamaan 2023M Di Masjid Dan Surau Yang Berdaftar Dengan Jabatan Agama Islam Perak.

3. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak telah menetapkan beberapa garis panduan program ibadah yang dibenarkan dilaksanakan di bulan Ramadhan tahun 1444H bersamaan 2023M. Program tersebut adalah:

- 3.1 Masjid Ubudiyah, Kuala Kangsar dan Masjid Sultan Idris Shah II (Masjid Negeri Perak) mengadakan 20 rakaat solat tarawih sementara bilangan rakaat solat tarawih bagi masjid lain dan surau diserahkan kepada ketetapan dan budi bicara Jawatankuasa Kariah masing-masing;
- 3.2 Solat tarawih hendaklah didahulukan sebaik selesai solat sunat ba'diyah Isyak;
- 3.3 Tazkirah jika mahu diadakan, hendaklah dilakukan selepas selesai solat sunat witr yang mengiringi solat tarawih;
- 3.4 Imam jemputan dari luar negara hendaklah mendapat kebenaran bertulis Pengarah Jabatan Agama Islam Perak dengan menggunakan borang yang disediakan;

"PERAK SEJAHTERA 2030"

- 3.5 Imam tempatan hendaklah diutamakan oleh setiap masjid dan surau. Imam jemputan dari luar kariah yang telah mendapat kebenaran bertulis Pengarah Jabatan Agama Islam Perak, dibenarkan menjadi imam di sesebuah masjid dan surau tidak melebihi 7 malam sepanjang bulan Ramadhan;
- 3.6 Dibenarkan untuk mengadakan hidangan berbuka puasa (iftar), hidangan selepas tarawih (moreh) dan hidangan sahur;
- 3.7 Bagi petugas yang terlibat secara langsung menguruskan hidangan makanan, wajib membuat Ujian Pengesanan Covid-19: RTK Antigen (RTK-Ag) dan ditunjukkan kepada petugas masjid;
- 3.8 Tadarus al-Quran dibenarkan diadakan di masjid dan surau;
- 3.9 Qiamullail juga dibenarkan diadakan di masjid dan surau.
- 3.10 Semua program di masjid hendaklah dianjurkan atas nama jawatankuasa kariah masjid dan bukan atas nama penyumbang.

4. Dipohon kepada YBhg. Dato'/Tuan agar mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan. Segala kerjasama dari YBhg. Dato'/Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan jazakumullahu khairan kathira.

Sekian, dimaklumkan.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,




(HAJI HARITH FADZILAH BIN ABDUL HALIM)

Pengarah,

Jabatan Agama Islam Perak.

 harithfadzilah@yahoo.com

 05-2084800 / (F) 05-2555512

S.k Yang Dipertua, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak
Ketua Polis Perak
Orang Besar Jajahan Daerah
Pegawai Daerah
Pegawai Tadbir Agama Daerah
Fail Timbul